

Bas huyung-hayang

ragut tiga nyawa

Metro 17/8/12 MS 8

Kendaraan bawa 38 penumpang hilang kawalan ketika memotong

KINABATANGAN: Tiga penumpang terbunuh selepas bas mereka naki bersama 35 penumpang lain terbabas sebelum terbalik beberapa kali di Kilometer 121, Jalan Sandakan-Lahad Datu berdekatan Kampung Paris 2, dekat sini, awal pagi semalam.

Penumpang bas itu termasuk 31 pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Sabah yang pulang ke kampung menyambut Aidilfitri.

Tiga lagi penumpang cedera parah dalam kemalangan yang berlaku kira-kira jam 2.50 pagi, hampir tujuh jam selepas bas itu bertolak dari Terminal Bas Bandaraya Utara, Inanam, ke Tawau.

Mangsa yang maut dikenali sebagai Jabar Maidin, 54, dipercayai bekerja di Melaka dan pulang bercuti sempena Aidilfitri di Tawau, manakala dua lagi mangsa ialah anak beranak dikenali sebagai Usman Sulaiman, 46, dan anaknya Pian Ardian Shah, berasal dari Kampung Sungai Tongkong, Tawau.

Tiga penumpang yang cedera parah dirawat di Hospital Kinabatangan dan Lahad Datu sebelum dipindahkan ke Hospital Duchess of Kent untuk rawatan lanjut, dikenali sebagai Fridde Manggaus, 20, Beneditus Roga, 27, dan Rahamiati Nuridin, 35.

Difahamkan kemalangan berlaku selepas bas itu hilang kawalan ketika memotong kenderaan lalu terbalik.

Kebanyakan penumpang

**TERBALIK
...keadaan
bas ekspres
yang terbabas
dalam
kemalangan
awal pagi
semalam.**



GEDERA...Asnia Rapik antara mangsa dirawat di Hospital Lahad Datu.

pelajar UiTM yang pulang bercuti ke kampung masing-masing iaitu Tawau, Lahad Datu dan Kunak sempena cuti perayaan Aidilfitri bakal menjelang tiga hari lagi.

Seorang mangsa, Asnia Rapik, 20, berkata dia yang tidur ketika kejadian, terdengar jeritan dan bas terhuyung-hayang sebelum terbabas lalu terbalik beberapa kali.

"Saya terdengar dentuman sebelum beberapa penumpang berteriak dan keadaan menjadi kelam-kabut.

"Selepas bas berhenti terbalik, saya mendengar jeritan meminta tolong tetapi tidak boleh berbuat apa-apa kerana

saya tidak boleh bergerak," katanya ketika ditemui di Hospital Lahad Datu, semalam.

Seorang lagi mangsa, Siti Norzakiah Necing, 21, berkata, ketika kejadian dia juga sedang tidur sebelum terdengar jeritan meminta tolong manakala bas terbabas dan dia pengsan.

"Kejadian ngeri ini bagaikan mimpi kerana ketika itu saya tidur. Saya tersedar selepas rakan memanggil saya.

"Sebaik sedar saya berasa sakit telinga dan mendapati cuping telinga hampir putus," katanya.

Siti Alfinah Reduan, 21, pula terhidu bau getah terbakar



Nahas lepas beberapa jam pemandu dinasihati

KOTA KINABALU: Kemalangan bas ekspres menyebabkan tiga maut di Kilometer 121, Jalan Sandakan-Lahad Datu, awal pagi semalam, berlaku hanya beberapa jam selepas pengusaha dan pemandu bas ekspres itu dinasihatkan meningkatkan tahap keselamatan pemanduan.

Nasihat itu disampaikan Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abdul Rahim Bakri, ketika Kempen Pemeriksaan Kenderaan Perkhidmatan Awam sempena musim balik kampung menjelang Aidilfitri di Terminal Bas Bandaraya Utara, Inanam, di sini, petang kelmarin.

Pemandu bas itu antara pemandu dan pengusaha bas yang ditemui ketika

kempen itu bagi mengingatkan mereka mengenai pemanduan berhemah.

Bas milik syarikat Ali Topan dalam perjalanan dari Kota Kinabalu ke Tawau bertolak dari terminal berkenaan jam 8 malam kelmarin dan dijadualkan tiba di Tawau jam 7 pagi semalam tetapi terbabas di Kilometer 121 Jalan Sandakan-Lahad Datu, kira-kira jam 2.50 pagi.

Presiden Majlis Pengusaha Bas Ekspres Sabah (SEBOC), Datuk Donald Hanafi berkata, kemalangan itu yang pertama membabitkan bas ekspres membawa penumpang balik kampung sempena musim perayaan di Sabah sekali gus melenyapkan rekod sifar kemalangan sebelum ini.

ketika bas menuruni bukit di daerah Ranau tetapi tiada apa berlaku.

"Bagaimanapun setiba di tempat kejadian, bas itu terhuyung-hayang dan keadaan dalam bas kelam-kabut dengan penumpang mula menjerit," katanya yang cedera ringan di belakang.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kinabatangan, Deputy Supritendan Martin Lugu berkata, pihaknya menerima panggilan kira-kira 3 pagi dan tiba di tempat kejadian jam 3.20 pagi.

"Terdapat 38 penumpang termasuk 31 pelajar UiTM di dalam bas berkenaan dan dua lagi pemandu serta seorang konduktor. Tiga mangsa yang mati cedera parah di kepala," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, pemandu berusia 40-an dipercayai hilang kawalan sebelum bas terbabas dan terbalik.

"Pemandu itu masih disiasat bagi mengenal pasti punca kemalangan," katanya.

HM e-Paper



Untuk lebih gambar sila layari
subscription.nstp.com.my